

# KERTAS KERJA ASAS KEUSAHAWANAN

## RANCANGAN PERNIAGAAN ( ETR 300 )

SYARIKAT V.M.F.E SDN. BHD.

PENGELUARAN VENDING MESIN BERASASKAN  
MAKANAN SEGERA

DISEDIAKAN UNTUK :

EN. AMRAN BIN AWANG  
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN  
ITM CAWANGAN PERLIS  
02600 ARAU  
PERLIS

DISEDIAKAN OLEH :

MOHD HAMDAN SALEH	95758271
NOORSIDA BT. HUD	95762628
TURISSAINA BT. SAHAT	95508350
HAFIDZAH MAT SAAD	95330734
SITI AMILIA BAIZURA ABU BAKAR	95637052

## ***1.0 PENGENALAN***

Perniagaan dan perusahaan adalah bidang ekonomi yang mempengaruhi sebahagian besar kehidupan manusia. Kewujudan perniagaan makanan segera yang diberi nama Vending Machine Foods Express (VMFE) Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang diusahakan oleh lima orang rakan kongsi dalam menjalankan kegiatan perniagaan iaitu pengeluaran vending machine dan makanan segera iaitu Nasi lemak. Syarikat kami yang beralamat di kawasan Perindustrian Bukit Minyak Industrial Park, 13600 Prai, Pulau Pinang dijangka akan mula beroperasi pada 1 Januari 2000.

Sebelum kami membuat keputusan untuk menjalankan perusahaan, pengeluaran Nasi lemak melalui kaedah Vending Machine, kami dapati prospek masa depan perniagaan ini berpotensi untuk berkembang. Oleh itu kami lebih menumpukan perhatian dalam bidang pemasaran dan pengedaran, memandangkan bidang ini amat penting dalam menentukan maju mundurnya sesebuah perniagaan. Sehubungan dengan itu, sasaran kami adalah pekerja-pekerja kilang bagi seluruh kawasan perindustrian Pulau Pinang yang mempunyai pendapatan RM700 keatas. Ini adalah kerana, kami menjangkakan golongan ini mampu untuk membeli Nasi lemak segera kami yang berharga RM2.00 sebungkus.

Gaya hidup penduduk kini adalah amat mementingkan masa. Meluangkan masa untuk mendapatkan makanan tengahari dilabelkan sebagai membuang masa serta menyusahkan, terutama bagi mereka yang bekerja. Begitu juga waktu memasak menjadi kian terhad. Ini menjadi asas kami memilih perniagaan ini. Nasi lemak kami berasaskan kepada empat citarasa terkini, iaitu ayam percik, ikan masak masam manis, ayam masak satay, ikan bilis, dimana ia amat memenuhi citarasa pelanggan kami.

Kawasan target pasaran kami adalah di sekitar kawasan perindustrian terpilih iaitu Bukit Tengah, Prai, Seberang Jaya dan Bayan Lepas. Ini disebabkan kawasan

tersebut mempunyai ramai pekerja iaitu 1000 orang ke atas dan juga dapat mengurangkan kos pengangkutan dan penghantaran bahan mentah ke syarikat kami.

Secara ringkasnya kami memperolehi bahan mentah dari pembekal-pembekal yang beralamat di syarikat Perniagaan Peribumi Sdn. Bhd, Hujung Perusahaan 2, kawasan MIEL Prai Industrial Park, 13600 Prai, Pulau Pinang. Nama dan alamat pembekal yang dipilih adalah berdasarkan tinjauan di kawasan sekitar Prai dan kawasan utara. Ini bertujuan untuk mengurangkan caj yang dikenakan untuk menghantar bahan mentah ke kilang kami. Selain daripada itu harga bahan mentah yang dibekalkan juga amat berpatutan dan berkualiti.

Seterusnya keuntungan dalam sesuatu perusahaan merupakan imbuhan yang paling berharga kepada para pengusaha. Berdasarkan saiz dan syer pasaran yang diperolehi kami jangkakan 370000 unit telah terjual dalam setahun. Ini bermakna dalam masa sebulan telah terjual sebanyak 30834 unit. Menyedari perkara ini, kami telah merancang agar kepuasan pelanggan menjadi matlamat kami, iaitu cara penyediaan makanan yang bersih, berkhasiat dan menggunakan teknologi *vacuum skin packing*. Nasi lemak ini dapat memenuhi keperluan kalori seseorang bagi setiap makanan yang dimakan pada waktu sarapan, makan tengahari mahupun makan malam. Semua kalori dihitung dan pengguna tahu berapa banyak kalori yang sudah dimakan pada masa itu. Ini bertujuan untuk menarik lebih ramai pelanggan serta menanam kepercayaan penuh terhadap pengeluaran Nasi lemak syarikat kami.

InsyaaALLah, dengan izinnya kami percaya perusahaan Nasi lemak kami ini akan mendapat tempat di hati pelanggan.

# ***ISI KANDUNGAN***

SURAT PENGESAHAN ITM

SURAT PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN

SURAT PERJANJIAN RAKAN KONGSI

PENGHARGAAN

LOGO

PENERANGAN KEPADA LOGO

1.0 PENGENALAN

2.0 TUJUAN

3.0 LATAR BELAKANG SYARIKAT

4.0 LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI

5.0 TAPAK PROJEK

6.0 RANCANGAN PENTADBIRAN

6.1 Matlamat Organisasi

6.2 Struktur Organisasi (Carta Organisasi)

6.3 Strategi Organisasi

6.4 Senarai Kakitangan Pengurusan

6.4.1 Senarai Perjawatan Dan Nama Pemegang Jawatan Dalam Syarikat

6.4.2 Jadual Jawatan Dan Bilangan Pekerja

6.5 Spesifikasi Tugas

6.6 Imbuhan Balas Jasa

6.6.1 Intensif Pekerja

6.7 Senarai Perabot Dan Alat Kelengkapan Pejabat

6.8 Susun Atur Ruang Pejabat

6.9 Plan Lokasi Tempat

6.10 Jadual Perbelanjaan Pentadbiran

## 7.0 RANCANGAN PEMASARAN

7.1 Pengenalan

7.2 Pesaing Kepada Produk

7.3 Sasaran Pasaran

7.4 Analisa Pasaran

7.5 Pesaingan Dan Syer Pasaran

7.5.1 Pesaingan Sebelum Kemasukan Syarikat

7.5.2 Pesaingan Selepas Kemasukan Syarikat

7.6 Kekutan Dan Kelemahan Pesaing

7.7 Kekuatan Dan Kelemahan Syarikat

7.8 Ramalan Jualan

7.9 Strategi Pemasaran

7.10 Perbelanjaan Pemasaran

## 8.0 RANCANGAN OPERASI

8.1 Pengenalan

8.2 Proses Pertukaran Input Kepada Output

8.2.1 Carta Aliran ( Pengimportan Vending Machine )

8.2.2 Carta Aliran ( Operasi Vending Machine Kepada Pelanggan )

8.2.3 Carta Aliran Operasi